



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN, PENGUJIAN INSTRUMEN DAN PENGUKURAN TAHAP
PROFESIONALISME GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING
SEKOLAH RENDAH

HAMIDAH BINTI MAHMUD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)

FAKULTI PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menguji kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling (IPGBK), serta mengukur tahap profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling sekolah rendah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pembinaan instrumen ini dilakukan dengan menganalisis lima buah dokumen Standard Kaunselor Sekolah dari luar negara. Analisis kandungan setiap dokumen menghasilkan draf yang dinilai kesahannya oleh tiga orang pakar, manakala kebolehpercayaan instrumen diperoleh daripada 35 orang guru bimbingan dan kaunseling. Seramai 390 GBK, 140 orang ketua jabatan dan 252 orang rakan sekerja merupakan sampel untuk mengukur tahap profesionalisme menggunakan IPGBK dan amalan profesionalisme dikaji dengan kaedah temu bual dan pemerhatian ke atas empat orang guru bimbingan dan kaunseling. Dapatan kajian mendapati IPGBK mempunyai nilai kesahan yang tinggi dan nilai kebolehpercayaan juga tinggi (0.83 hingga 0.98). Hasil kajian kuantitatif menunjukkan bahawa tahap profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling sekolah rendah berdasarkan penilaian pengamal dan ketua jabatan adalah sederhana (min=3.25 dan 3.27), manakala penilaian oleh rakan sekerja adalah tinggi (min=3.71). Tahap profesionalisme dari segi kemahiran berdasarkan penilaian pengamal, ketua jabatan dan rakan sekerja adalah sederhana (min=2.92, 2.83 dan 3.37). Tahap profesionalisme dari segi pengetahuan berdasarkan penilaian pengamal dan ketua jabatan adalah sederhana (min=3.10 dan 3.30), manakala penilaian rakan sekerja adalah tinggi (min=3.75). Tahap Profesionalisme dari segi nilai peribadi berdasarkan penilaian pengamal penilaian ketua jabatan, dan penilaian rakan sekerja berada pada tahap tinggi (min=3.73, 3.69 dan 4.01). Hasil kajian kualitatif pula mendapati bahawa guru bimbingan dan kaunseling tahu membuat perancangan tetapi kurang pengetahuan tentang teori, teknik dan strategi kaunseling. Dari segi kemahiran, mereka mahir mencari maklumat tetapi kurang mahir menyebarkan maklumat, manakala dari segi nilai peribadi, mereka mengamalkan etika dan sentiasa berusaha meningkatkan profesionalisme. Kajian ini memberi implikasi kepada keperluan untuk meningkatkan tahap profesional guru bimbingan dan kaunseling dari aspek pengetahuan dan kemahiran.





DEVELOPMENT, VALIDATION OF AN INSTRUMENT AND MEASURING THE LEVEL OF PROFESSIONALISM PRIMARY SCHOOL GUIDANCE AND COUNSELLING TEACHER

ABSTRACT

This study aimed to develop and examine the reliability and validity of instrument for Professionalism of Guidance and Counselling Teacher (IPGBK) This Instrumen was used to measure the level of professionalism practice among primary school guidance and counselling teachers. This study used a mixed method of quantitative and qualitative approach. The instrument was developed by five documents from oversea which are related to School Counsellor Standard. Content analysis of each document managed to produce a draft which was then validated by three experts and meanwhile, instrument reliability were obtained from 35 primary school guidance and counselling teachers. The participants of this study were 390 primary school guidance and counselling teachers, 140 head of departments and 252 colleagues. These participants' level of professionalism was measured using IPGBK, while professionalism practice was studied through interview and observation of four guidance and counselling teachers. The research founds IPGBK has a high reliability and validity of 0.83 to 0.98. The quantitative data showed that the professionalism level of primary school guidance and counselling teachers as a whole was at moderate level based on the practitioners assessment (mean = 3.25), and headmasters assessment (mean = 3.27). On the other hand, colleagues' assessment nevertheless was at higher level with a mean was 3.71. The research also found that skills-based professionalism was at moderate level; practitioners assessment (mean = 2.92), headmasters assessment (mean = 2.83) and colleagues assessment (mean = 3.37). As for knowledge-based professionalism among the guidance and counselling teachers was at moderate level in which the practitioners assessment mean was 3.10 and headmasters assessment mean was 3.30. Colleagues' assessment nevertheless was at higher level with a mean was 3.75). This research showed that professionalism in terms of personal values, as a whole, was at high level; practitioners assessment (mean = 3.73), head of departments assessment (mean = 3.69), and colleagues assessments (mean = 4.01). The qualitative data, indicated that guidance and counselling teachers knew how to plan and manage, but they were lack of knowledge in theory, technique and strategy in counselling. In terms of the skills, guidance and counselling teachers had the skills to gain information but they were lack of skill delivering the information. Lastly, in terms of personnel value, guidance and counselling teachers practiced etiquette to increase professionalism. Finding of this study imply that there is need to increase the professionalism level of guidance and counselling teachers in terms of knowledge and skills.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARA JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Tujuan Kajian	21
1.5	Objektif Kajian	22
1.6	Soalan Kajian	23
1.7	Kepentingan Kajian	24
1.8	Batasan Kajian	26
1.9	Definisi Konseptual Operational	28
1.9.1	Instrumen Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling	29
1.9.2	Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling	31



1.9.3	Guru Bimbingan dan Kaunseling	33
1.10	Kesimpulan	36

BAB 2 PENDEKATAN TEORI DAN TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	38
2.2	Model Pembinaan Alat Ukur	40
2.3	Model Pengukuran Rasch	43
2.4	Teori <i>Ice-Berg</i>	46
2.5	Teori Pemusatan Insan	51
2.6	Kajian Pembinaan	
2.6.1	Kajian Pembinaan Instrumen	54
2.6.2	Kajian Pembinaan Piawaian	64
2.7	Profesionalisme	
2.7.1	Konsep Profesionalisme	66
2.7.2	Kepentingan Profesionalisme	74
2.7.3	Kajian Profesionalisme	77
2.8	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
2.8.1	Peranan dan Tanggungjawab Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah	83
2.8.2	Ciri-Ciri Guru Bimbingan dan Kaunseling yang Efektif	91
2.8.3	Kajian Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling	94
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	105
2.10	Kesimpulan	112

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	114
3.2	Reka Bentuk Kajian	115
3.3	Kaedah Kuantitatif	116
3.3.1	Data Dokumen	120
3.3.2	Data Pakar	127
3.3.3	Data Pengamal	137
3.3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif	147
3.4	Kaedah Kuantitatif	150
3.4.1	Populasi dan Pensampelan Kajian	151
3.4.2	Instrumen Kajian	154
3.4.3	Proses Pengumpulan Data	157
3.4.4	Proses Analisis Data	159
3.4.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kuantitatif	160
3.5	Prosedur Kajian	162
3.6	Kajian Rintis	170
3.7	Kesimpulan	171

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	173
4.2	Soalan Kajian Pertama	174
4.3	Soalan Kajian Kedua	179
4.3.1	Pandangan Pakar Tentang Komponen Kemahiran	183
4.3.2	Pandangan Pakar Tentang Komponen Pengetahuan	188
4.3.3	Pandangan Pakar Tentang Komponen Nilai Peribadi	194



4.4	Soalan Kajian Ketiga	
4.4.1	Kesahan Instrumen	179
4.5	Soalan Kajian Keempat	
4.5.1	Kebolehpercayaan	206
4.6	Analisis Instrumen	215
4.6.1	Profil Responden	216
4.7	Soalan Kajian Kelima	219
4.8	Soalan Kajian Keenam	220
4.9	Soalan Kajian Ketujuh	222
4.10	Soalan Kajian Kelapan	224
4.11	Soalan Kajian Kesembilan	225

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	261
5.2	Rumusan Kajian	262
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	264
5.3.1	Pembinaan IPGBK	265
5.3.2	Pengujian Kesahan dan Kebolehpercayaan IPGBK	267
5.3.3	Tahap Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah Di Malaysia Secara Keseluruhan	270
5.3.4	Tahap Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah Di Malaysia Bagi Komponen Kemahiran	272
5.3.5	Tahap Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah Di Malaysia Bagi Komponen Pengetahuan	278

5.3.6	Tahap Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah Di Malaysia Bagi Komponen Nilai Peribadi	284
5.3.7	Amalan Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah Di Malaysia	288
5.4	Kesimpulan	299
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	301
5.6	Cadangan	306
5.7	Penutup	314
SENARAI RUJUKAN		316
LAMPIRAN		



SENARAI JADUAL

No.	Jadual	Muka Surat
3.1	Latar Belakang Responden Pakar	130
3.2	Latar Belakang Responden Temu Bual dan Pemerhatian	140
3.3	Bilangan Populasi dan Sampel Kajian	151
3.4	Kaedah Pensampelan Strata Rawak Mengikut Zon di Semenanjung Malaysia dan Sabah	153
3.5	Kaedah Pensampelan Strata Rawak Mengikut Bahagian di Sarawak	153
3.6	Bilangan Item dalam Setiap Konstruk bagi Komponen Kemahiran	155
3.7	Bilangan Item dalam Setiap Konstruk bagi Komponen Pengetahuan	155
3.8	Bilangan Item dalam Setiap Konstruk bagi Komponen Nilai Peribadi	156
3.9	Tahap Persetujuan Skala Likert	157
3.10	Pulangan Balik Instrumen yang Diedarkan	158
3.11	Interpretasi Skor Min	160
3.12	Proses Pengumpulan dan Analisis Data untuk Menjawab Soalan Kajian	168
4.1	Analisis Perbandingan Setiap Konstruk Standard Kaunselor Sekolah	175
4.2	Bilangan Konstruk Sebelum dan Selepas Analisis Perbandingan	179
4.3	Bilangan Item Sebelum dan Selepas Mendapat Pandangan Pakar	180
4.4	Perbandingan Penggunaan Perkataan Sebelum dan Selepas Penilaian Pakar	182





4.5a	Pandangan Pakar Tentang Komponen Kemahiran	183
4.5b	Pandangan Pakar Tentang Komponen Pengetahuan	188
4.5c	Pandangan Pakar Tentang Komponen Nilai Peribadi	194
4.6a	Analisis Faktor: Kesahan Instrumen Komponen Kemahiran	198
4.6b	Analisis Faktor: Kesahan Instrumen Komponen Pengetahuan	201
4.6c	Analisis Faktor: Kesahan Instrumen Komponen Nilai Peribadi	204
4.7a	Indeks Kebolehppercayaan bagi Item-item IPGBK Komponen Kemahiran	207
4.7b	Indeks Kebolehppercayaan bagi Item-item IPP_GBK Komponen Pengetahuan	210
4.7c	Indeks Kebolehppercayaan bagi Item-item IPP_GBK Komponen Nilai Peribadi	213
4.8	Taburan Responden Mengikut Negeri	215
4.9	Bilangan Soal Selidik	216
4.10	Profil Responden Guru Bimbingan dan Kaunseling	216
4.11	Penilaian Tahap Profesionalisme GBK	219
4.12	Penilaian Tahap Profesionalisme GBK bagi Komponen Kemahiran	220
4.13	Penilaian Tahap Profesionalisme GBK bagi Komponen Pengetahuan	222
4.14	Penilaian Tahap Profesionalisme GBK bagi Komponen Nilai Peribadi	224
4.15	Perbandingan Profesionalisme GBK Hasil Dapatan Data Kuantitatif dan Data Kualitatif	259





SENARAI RAJAH

No.	Rajah	Muka Surat
2.1	Pendekatan Teori dan Kajian Literatur	39
2.2	Aliran Proses Pembentukan Alat Ukuran	41
2.3	Teori <i>Ice Berg</i>	46
2.4	Kerangka Konsep Pembinaan dan Pengujian Instrumen serta Tahap Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling	106
3.1	Kerangka Kajian	116
3.2	Proses Pemilihan Dokumen	121
3.3	Prosedur Menjalankan Kajian	163





SENARAI SINGKATAN

GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
IPGBK	Instrumen Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling
DMS	Dialek Melayu Sarawak
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Bab 1 ini membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan, objektif kajian serta soalan kajian. Selain itu bab ini juga akan menerangkan tentang kepentingan kajian, batasan kajian dan menghuraikan definisi istilah-istilah yang terdapat dalam kajian ini secara konseptual dan operasional dan seterusnya rumusan Bab 1.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah di Malaysia berkembang secara formal, teratur dan sistematik selari dengan pembangunan negara





(Rorlinda et al. 2007). Menurut Amelia (2009), pemikiran yang optimis ini perlu digandingkan dengan misi yang boleh menggerakkan profesion ini menuju ke suatu tahap yang unggul. Perkembangan semasa juga telah memberikan perangsang kepada masyarakat untuk menerima kaunseling sebagai profesion yang disegani.

Kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa keberkesanan sesuatu perkhidmatan boleh dipertingkatkan apabila individu yang menawarkan perkhidmatan tersebut mempunyai kualiti yang tinggi. Menurut Mohd Feroz (2004), guru kaunseling sebagai golongan profesional yang dilatih khas dalam hal membantu murid bermasalah di sekolah, bertanggungjawab bukan sahaja dalam memantau disiplin mereka malah menerangkan hala tuju pendidikan serta peluang-peluang kerjaya. Pandangan ini membuktikan tingginya harapan masyarakat terhadap kepimpinan guru bimbingan dan kaunseling, khasnya dalam membina kecemerlangan murid secara holistik. Guru Bimbingan dan kaunseling merupakan satu profesion yang sangat penting dewasa ini. Mereka diamanahkan dengan tanggungjawab untuk mencapai matlamat kesejahteraan modal insan.

Istilah Profesion ditujukan kepada mereka yang memiliki kemahiran teknikal serta pengetahuan khusus yang diaplikasikan untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang tidak mampu dilakukan oleh orang biasa atau mereka yang tidak berkecukupan (Akhiar Pardi et. al. 2012). Seseorang yang profesional biasanya akan mengendalikan hal-hal yang sangat penting kepada klien mereka dan diberikan kepercayaan, tanggungjawab dan obligasi yang berat serta penting. Dengan tanggungjawab ini, kerja-kerja para profesional melibatkan persekitaran yang mana kecuaihan, ketidakcekapan





atau pelanggaran etika kerja secara signifikan akan menjejaskan klien dan profesion itu sendiri.

Menurut Akhilar Pardi et. al. (2012) lagi, para profesional bertanggungjawab ke atas kualiti kerja mereka yang melibatkan klien. Para profesional menyumbang perkhidmatan kepakaran mereka berdasarkan kepada teori, ilmu pengetahuan serta kemahiran khusus dalam bidang kerja mereka yang lazimnya tidak dapat dilakukan oleh mereka yang tidak mendapat latihan khusus mengenainya atau mereka yang berada di luar profesion berkenaan. Selain itu, para profesional juga tidak menganggap mereka yang mendapatkan perkhidmatan profesional sebagai pelanggan tetapi sebagai klien. Oleh sebab tugas dan tanggungjawab profesional ini, maka para profesional adalah terikat dengan etika dalam profesion mereka. Hal ini akan melahirkan perasaan bertanggungjawab dalam amalan sesuatu profesion.



Adalah menjadi tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling menunjukkan kecekapan dan profesionalisme kepada warga sekolah dengan menguasai kemahiran, pengetahuan dan nilai peribadi yang unggul bagi menentukan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada klien mereka. Profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling adalah berkait rapat dengan mutu pendidikan. Keberkesanan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan gambaran kepada guru tersebut telah berusaha gigih untuk menyempurnakan tanggungjawab terhadap murid, sekolah dan masyarakat. Memandangkan tahap perkembangan murid adalah asas dalam pendidikan formal yang bermula dari sekolah rendah, maka tugas dan tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling di peringkat sekolah rendah adalah sangat penting.





Dalam perekayasaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012), dinyatakan bahawa guru bimbingan dan kaunseling juga memainkan peranan yang sangat penting dalam peningkatan disiplin murid, pembangunan dan pengembangan sahsiah diri murid, pendidikan kerjaya murid dan psikososial, dan kesejahteraan mental murid. Sebagai individu yang mempunyai tanggungjawab profesional, guru bimbingan dan kaunseling seharusnya memenuhi ciri-ciri profesional dalam bidang yang diceburinya untuk memenuhi tuntutan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia seperti berikut:

“Sehubungan itu, pihak sekolah hendaklah memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh guru bimbingan dan kaunseling di sekolah adalah perkhidmatan yang terbaik dan berkesan terhadap murid-murid serta difokuskan kepada pembangunan sahsiah dan peningkatan disiplin dalam kalangan murid”

(Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2012)

Melalui Surat Siaran KPM (2012) itu juga menegaskan supaya guru bimbingan dan kaunseling menghayati sepenuhnya bahawa memenangi jiwa murid merupakan teras perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Selain itu, guru bimbingan dan kaunseling perlulah memberikan perkhidmatan yang mesra, selesa dan kondusif kepada murid untuk menyuarakan isi hati dan permasalahan mereka seterusnya dapat membuat keputusan yang wajar dan betul. Guru bimbingan dan kaunseling juga haruslah berupaya mendahului jangkaan tindakan-tindakan yang di luar norma sosial dalam kalangan murid-muridnya serta, guru bimbingan dan kaunseling berperanan dalam meneroka peluang dan ruang kerjaya yang sesuai dengan personaliti mereka.





Memandangkan peranan dan tanggungjawab profesion bimbingan dan kaunseling semakin mencabar, maka dengan itu adalah wajar bagi setiap pengamal perkhidmatan atau guru bimbingan dan kaunseling di peringkat sekolah untuk sentiasa meningkatkan profesionalisme mereka seiring dengan keperluan dan kehendak semasa (Curry, 2007). Guru bimbingan dan kaunseling yang profesional mampu untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan seterusnya dapat memenuhi fungsi sebenar mereka. Profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling perlu diberi perhatian yang serius memandangkan mereka mempunyai tugas dan peranan bukan hanya memberikan ilmu pengetahuan, tetapi juga ke arah membentuk sikap dan jiwa yang mampu bertahan dengan cabaran semasa. Pelantikan guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa merupakan usaha murni Kementerian Pendidikan Malaysia mempertingkatkan keprofesionalan guru bimbingan sekolah (Sapora, 2002).



Curry (2007) menyatakan bahawa profesion kaunseling hari ini berhadapan dengan banyak cabaran. Oleh itu, guru bimbingan dan kaunseling perlulah menjadi seorang yang cekap, mahir dalam menjalankan penaksiran dan berupaya memilih teknik dan strategi bagi membantu pertumbuhan klien. Bagi merealisasikan harapan klien, guru bimbingan dan kaunseling seharusnya seorang yang cekap dan bersedia menjalankan tugas perkhidmatannya. Menurut Faizah dan Tan (2006), perkhidmatan kaunseling ini dijalankan oleh seorang guru bimbingan dan kaunseling yang terlatih dan bertanggungjawab secara profesional dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan teknik bagi membantu klien.

Kartini (2002) menyatakan bahawa, masalah profesionalisme bergerak seiring dengan kemajuan masyarakat moden yang memerlukan adanya pelbagai kemahiran





nilai tambah. Kemahiran nilai tambah ini sangat diperlukan dalam masyarakat yang semakin luas dan semakin kompleks. Demikian juga profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling yang masih lagi diperbincangkan. Faizah dan Tan (2006) turut menyatakan bahawa keperibadian seorang guru bimbingan dan kaunseling belum cukup melayakkan dirinya lagi sebagai seorang guru bimbingan dan kaunseling yang berjaya dan berkesan, sebaliknya, kemahiran dalam bidang bimbingan dan kaunseling itu sendiri harus diambil kira untuk memanfaatkan perkhidmatannya. Pendapat ini di sokong oleh Ruhani (2008) bahawa pemahaman tentang diri sendiri serta keupayaan sumbangan yang boleh dilakukan oleh guru bimbingan dan kaunseling adalah merupakan aspek yang penting.

Namun begitu, keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling tersebut adalah bergantung pada peranan guru bimbingan dan kaunseling itu sendiri dengan sokongan guru besar. Foo (2005) menyatakan bahawa kegagalan guru besar memahami peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling boleh menyebabkan kaunselor gagal memainkan peranan dengan berkesan. Semakin berkesan perkhidmatan yang diberi oleh guru bimbingan dan kaunseling maka semakin tinggi tahap profesionalisme mereka. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini seharusnya selari dengan perkhidmatan lain yang dianggap profesional. Profesionalisme bukanlah dimaksudkan mencari keuntungan bagi dirinya melainkan untuk pengabdian kepada masyarakat. Hal ini bermakna mereka yang profesional itu harus berusaha menimbulkan kebaikan, keberuntungan dan kesempurnaan serta kesejahteraan masyarakat.

Profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling juga boleh diukur dengan melihat cara guru bimbingan dan kaunseling tersebut mengamalkan etika kaunseling





dalam tugas seharian. Isu ini merupakan cabaran kepada guru bimbingan dan kaunseling terutamanya etika kerahsiaan kerana kebanyakan klien adalah terdiri daripada murid sekolah. Menurut Amla, Zuria dan Salleh (2009), etika seperti kerahsiaan adalah menjadi isu apabila pihak sekolah dan ibu bapa menuntut untuk mengetahui rahsia yang diceritakan oleh pelajar kepada guru bimbingan dan kaunseling. Selain itu, menjaga dan melindungi hak klien juga sering menjadi dilema dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling.

Sapora (2002), menyatakan bahawa tanggungjawab dalam mengembangkan profesionalisme pada dasarnya merupakan tuntutan untuk menghargai, menjaga dan meningkatkan kualiti tugas dan tanggungjawab profesionnya. Oleh itu, guru bimbingan dan kaunseling perlu untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keterampilan dalam melaksanakan tugas profesionnya. Mereka juga harus peka terhadap perubahan-perubahan, pembaharuan-pembaharuan serta perkembangan yang berlaku dalam dunia pendidikan khususnya, dan dalam bidang bimbingan dan kaunseling amnya. Dunia ilmu pengetahuan dan teknologi sentiasa berkembang dengan pesat mengikut zaman dan tidak pernah berhenti. Guru bimbingan dan kaunseling harus mengikuti perkembangan tersebut dan perlulah terdahulu mengetahuinya daripada pelajar, ibu bapa dan masyarakat.

Dengan kewibawaan dan kemampuan guru bimbingan dan kaunseling akan mendapat kepercayaan masyarakat dan mengiktiraf profesion mereka. Namun begitu, bukanlah sesuatu yang mudah bagi guru bimbingan dan kaunseling kerana dalam melaksanakan tugas profesionalnya, mereka harus memiliki kompetensi yang sesuai dengan tuntutan dan keperluan masyarakat. Untuk memperoleh kompetensi tersebut





guru perlu meningkatkan kualiti pendidikannya. Menurut Akhiar Pardi et. al. (2012), guru bimbingan dan kaunseling yang profesional akan bertingkah laku mengikut etika peradaban ketika menjangkakan serta melaksanakan hak-hak tanggungjawab dalam setiap situasi pada setiap masa tanpa gagal.

Menurut Amla, Zuria dan Salleh (2007) lagi, guru bimbingan dan kaunseling juga perlu peka dengan perkembangan isu-isu semasa untuk membolehkannya memahami isu-isu yang di bawa oleh pelajar. Sama ada gejala sosial, kepelbagaian budaya, penggunaan teknologi elektronik terutamanya oleh remaja dan kanak-kanak, serta pelbagai isu lain yang akan menagih kefahaman mereka. Sehubungan itu, guru bimbingan dan kaunseling perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu asas yang diperlukan dalam menangani isu-isu ini. Selaras dengan itu, ternyata seorang guru



bimbingan dan kaunseling yang profesional seharusnya mempunyai pengetahuan, kemahiran dan nilai peribadi yang tinggi. Curry (2007) menegaskan bahawa kejayaan sesuatu prestasi kaunseling memerlukan bukan hanya pengetahuan dan kemahiran, malah kepercayaan tentang nilai diri sendiri. Eriksen dan McAuliffe (2003) menyatakan profesion kaunseling seharusnya boleh menunjukkan keberkesanannya bagi mendapatkan penerimaan orang ramai. Amelia et al. (2013) berpendapat bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang tidak berkesan berkemungkinan besar berpunca daripada bukan sahaja ketidaksesuaian personaliti guru bimbingan dan kaunseling tetapi juga perlu melihat kesesuaian adaptasi dalam lapangan sebenar sebagai profesional kaunseling.

Menurut Sapora (2002), tahap profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling perlu dititikberatkan memandangkan guru bimbingan dan kaunseling perlu bergerak





seiring dengan kemajuan pendidikan dalam arus perkembangan teknologi canggih, perubahan pesat sosio-ekonomi dan berbagai-bagai lagi. Dalam usaha melahirkan guru bimbingan dan kaunseling yang profesional dan mahir, beberapa perkara harus diambil kira. Antaranya ialah latihan kaunseling yang mantap serta sahshiah dan peribadi guru bimbingan dan kaunseling yang unggul. Maka adalah perlu bagi kita untuk mengetahui tahap profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling yang ada di negara kita ini. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menghasilkan instrumen yang boleh digunakan untuk menilai profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling sekolah rendah di Malaysia.

Amelia et al. (2007), menghasilkan dan menguji Instrumen Kesesuaian Profesional Kaunseling (IKPK) yang berbentuk penilaian sendiri, khusus untuk mengenal pasti kriteria peribadi seseorang kaunselor sebagai profesional kaunseling.

Pembinaan instrumen ini adalah berasaskan pendekatan prosedur urutan yang melibatkan tiga fasa. Fasa pertama adalah kajian perpustakaan di mana satu himpunan kriteria peribadi kaunselor diperoleh daripada sumber literatur. Fasa kedua pula, pembentukan item-item yang dibina berasaskan 17 ciri-ciri yang dipersetujui oleh empat pemegang taruh (*stakeholder*) berdasarkan hasil kajian perpustakaan. Pada fasa ketiga, analisis item di buat dengan terperinci bagi menjamin ketekalan item.

Bagi memastikan instrumen tersebut dapat dinilai dari segi kebolehgunaannya dalam situasi yang sebenar, proses kesahan dan kebolehpercayaan haruslah dijalankan (Ahmad Jazimin, 2006). Sidek (2005), menyatakan bahawa kesahan adalah merujuk kepada sama ada sesuatu alat ukuran yang di bina itu dapat mengukur dengan tepat apa yang sepatutnya ia dikehendaki mengukur. Seterusnya Sidek (2005), juga mengatakan





bahawa sesuatu ujian dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya darjah kebolehan mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi. Maka dengan itu, setiap instrumen yang dibina haruslah mengambil kira aspek penting kesahan dan kebolehpercayaan ini.

Dengan menggunakan instrumen yang di bina ini, di akhirnya nanti akan dapat menilai tahap profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling sekolah rendah di Malaysia. Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, standard profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling telah lama diperkenalkan. Seseorang pengamal bimbingan dan kaunseling seharusnya mencapai standard yang telah ditetapkan. Kriteria profesionalisme yang standard telah ditetapkan oleh badan profesional dalam bidang bimbingan dan kaunseling yang terdapat di negara tersebut (ASCA, 2004). Di Malaysia kriteria profesional yang standard bagi guru bimbingan dan kaunseling bukan sahaja perlu akan kewujudannya, malah perlu di lihat dari semasa ke semasa untuk dilihat kesesuaian selaras dengan peredaran semasa.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling telah mendapat perhatian berbagai-bagai pihak semenjak perkhidmatan itu diperkenalkan pada tahun 1960-an. Berbagai-bagai usaha ke arah memperkasa kualiti profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling dipergiat dan dibincangkan dalam pelbagai lapangan (Rorlinda et al., 2007). Meskipun berbagai-bagai bentuk program peningkatan profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling telah dilaksanakan oleh Kementerian dan pihak-pihak





berkaitan, namun masih kedengaran pandangan-pandangan negatif berhubung ketidakcekan guru bimbingan dan kaunseling dalam menyediakan perkhidmatan berkesan.

Pada 24 Mac 2009, Unit Kaunseling Murid, Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin ditubuhkan secara rasmi dalam penstrukturan semula Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Unit ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling kepada murid serta guru di seluruh negara secara rasmi. Surat Siaran Perekayasaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 16 April 2012 adalah panduan perkhidmatan terkini yang perlu dilaksanakan oleh semua Guru Bimbingan dan Kaunseling. Melalui perekayasaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini, penekanan diberikan kepada pembangunan sahsiah dan disiplin murid dari sudut kemenjadian murid dan fokus perkhidmatan ini adalah menjurus kepada pembangunan dan perkembangan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin diri murid, pendidikan kerjaya murid serta psikososial dan kesejahteraan mental murid.

“ Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan diri dan sahsiah murid selaras dengan hasrat membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Walau bagaimanapun berdasarkan penelitian terhadap isu disiplin dalam kalangan murid sepanjang tahun 2011, didapati isu ini masih tidak dapat dicegah dan ditangani dengan berkesan oleh pihak sekolah. Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia memutuskan agar dibuat perekayasaan ke atas perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (B&K) dengan memberikan penekanan secara lebih berfokus kepada





pembangunan sahsiah dan peningkatan disiplin diri dalam kalangan murid di sekolah”

(Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 12 Tahun 2012 bertarikh 16 April 2012)

Justeru, Unit Bimbingan dan Kaunseling merupakan pemangkin kepada Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang berkualiti di sekolah dalam aspek pembangunan profesionalisme guru bimbingan dan kaunseling, kemenjadian murid, serta kecemerlangan modal insan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Namun begitu, melalui surat Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 24 Jun 2014 bertajuk Pelaksanaan Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah, mendapati pelaksanaannya di peringkat sekolah kurang memuaskan:

*“Hasil Pemeriksaan Khas Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Pendidikan KPPM Bil. 2/2014 telah mendapati pemuatan pelaksanaan perkhidmatan guru bimbingan dan kaunseling yang berfokus kepada Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berada pada **tahap yang kurang memuaskan**. Dalam hal ini, masih terdapat sekolah yang tidak melaksanakan Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling secara berfokus dan menyeluruh di sekolah”*

Justeru, perkara ini perlulah diberi perhatian yang serius dengan melihat punca kegagalan guru bimbingan dan kaunseling memberi fokus kepada perekayasaan tersebut. Johari (2009) menyatakan bahawa profesionalisme khidmat kaunseling di sekolah-sekolah rendah adalah bermaksud sejauh manakah guru bimbingan dan

